



MAJLIS PERASMIAN PUSAT TIMBANG DAN STOR (PTS) KG. TAMBAK, SLIM RIVER, PERAK

UCAPAN PERASMIAN

**YG. BHG. DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH(PEMBANGUNAN) RISDA
MEWAKILI PENGERUSI RISDA**

PTS KG. TAMBAK,
SLIM RIVER, PERAK
5 OGOS 2009
10.30 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Dihormati Pn. Norhayati bt Ghaffoor
Pengarah Bahagian Khidmat Pemasaran

Yang Dihormati Tn Hj. Ghazali bin Abd. Majid
Pengarah RISDA Negeri Perak

Yang Dihormati Tn. Hj. Mohd. Junit bin Zakaria
Pengerusi KPK Batang Padang Selatan

Ketua-ketua Jabatan dan Wakil

Pengurus- Pengurus Anak Syarikat

Pegawai Kanan RISDA Negeri Perak

Pegawai-Pegawai RISDA Daerah

Tuan Penghulu serta Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1.0 PENGHARGAAN

Syukur Alhamdullillah, dapat kita berkumpul pada hari ini untuk Majlis Perasmian Pusat Timbang dan Stor (PTS) Kg. Tambak, Slim River. Saya berharap Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab

3

kita. Setinggi penghargaan dan tahniah kepada RISDA Negeri Perak kerana mengaturkan satu Majlis seumpama ini yang begitu berfaedah kepada masyarakat pekebun kecil di lapangan. Dengan terlaksananya program ini, bermakna satu lagi kemudahan yang disediakan oleh RISDA dapat dinikmati masyarakat Kg. Tambak serta Kampung-kampung disekitarnya.

2.0 SENARIO INDUSTRI SAWIT NEGARA

Sejak mula dikomersilkan pada awal 1960an, industri sawit negara telah berkembang pesat sehingga Malaysia muncul sebagai pengeluar dan pengekspot minyak sawit terulung dunia. Pada

4

tahun **2007**, keluasan kawasan tanaman sawit adalah **4,304,913 hektar** dimana **470,155 hektar(10.92%)** diusahakan oleh pekebun kecil.

Dari segi **eksport sawit negara** pada tahun 2008, kuantiti eksport produk minyak sawit adalah **21.75 juta metrik tan** yang bernilai **RM65.2 billion**. Manakala **pengeluaran Minyak Sawit Mentah** negara adalah 17.73 juta metrik tan berbanding 15.82 juta metrik tan pada tahun 2007, iaitu kenaikan sebanyak 12.1%. Purata Produktiviti sehektar yang telah dicapai pada tahun 2008 adalah 20.18 metrik tan sehektar setahun, iaitu peningkatan sebanyak 6% berbanding 19.03 metrik tan pada tahun 2007.

Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) purata bagi Januari sehingga Jun 2009 adalah RM 2.226/Metrik Tan manakala harga purata Buah Tandan Sawit (BTS) adalah RM 445/Metrik Tan.

Senario industri Sawit di Malaysia ini melibatkan seramai 143,928 orang pekebun kecil dengan keluasan 413,917 hektar. Pekebun kecil sawit pemilik pengusaha adalah seramai 47,758 orang.

3.0 PROGRAM TANAM SEMULA SAWIT KE SAWIT

Syukur Alhamdullillah, selain daripada Bantuan Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL), Kerajaan telah meluluskan Bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit bagi pekebun kecil yang

memiliki tanah tidak melebihi 2.5 hektar secara agregat mulai 1 Januari 2009. Peruntukan yang disediakan bagi tempoh RMK9 adalah sebanyak RM 16,890,000 dengan keluasan 9,000 hektar untuk di tanam semula. Adalah diharapkan dengan adanya Bantuan ini yang berjumlah RM6,000.00 sehektar, akan dapat membantu meringankan beban kos pembiayaan tanam semula dan secara tidak langsung, pendapatan pekebun kecil sawit akan dapat ditingkatkan.

4.0 BANTUAN SAWIT LAIN YANG SEDIAKAN OLEH KERAJAAN

Selain daripada Bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit ini, Bantuan-Bantuan lain yang diberikan oleh kerajaan sebelum ini untuk membantu pekebun kecil sawit adalah Bantuan Tanam Semula Sawit di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi ke2 Tahun 2009 yang disalurkan melalui MPOB.

5.0 RSPO (Roundtable on Sustainable Palm Oil)

RSPO atau Rundingan Meja Bulat untuk menentukan piawaian minyak sawit merupakan perkara yang terbaru di dalam industri sawit. Ianya berfokuskan kepada 3P iaitu People, Planet and Profit atau Manusia, Planet dan Keuntungan. RSPO mengambilkira dari peringkat pembangunan sehingga pemasaran berdasarkan 8 prinsipal dan 39 kriteria yang perlu dipatuhi untuk mempromosikan pertumbuhan dan kegunaan minyak sawit mapan melalui kerjasama kalangan rantai pengeluar dan pembeli.

Setakat ini, panduan RSPO bagi pekebun kecil telah dalam peringkat akhir perbincangan. Untuk makluman kerajaan telah

menyediakan Dana RSPO sejumlah 50 juta yang dikendalikan oleh MPOB bagi tujuan persijilan.

5.0 PEMASARAN SECARA BERKELOMPOK

Pemasaran hasil merupakan faktor penting dalam menentukan pendapatan yang diperolehi oleh pekebun kecil. Dalam melaksanakan penanaman semula, kita boleh laksanakan kerja-kerja penyediaan tanah, penanaman, penyelenggaraan sehingga peringkat pengeluaran hasil dengan amat baik tetapi biasanya kita tersungkur di pintu pemasaran... Inilah yang biasanya menjadi masalah kepada masyarakat luar bandar. Tuan-tuan dan puan-

puan dipermainkan oleh orang tengah. Jika dijalankan secara individu ataupun berselerak dan tidak tersusun, Kadar Perahan Minyak (OER) yang ditawarkan oleh pembeli tidak menentu. Harga yang ditawarkan lebih rendah dari yang sepatutnya dengan alasan kualiti hasil adalah rendah.

Untuk mengatasi masalah inilah, RISDA mewujudkan Pusat Timbang dan Stor ini supaya tuan-tuan dan puan-puan dapat jualkan hasil secara berkelompok dan dijual terus ke kilang tanpa melalui orang tengah dan dapat memperolehi harga yang lebih tinggi. Dengan harga yang lebih tinggi ini, saya mencadangkan supaya rebate atau insentif di beri kepada pekebun kecil-pekebun

kecil yang menjualkan hasil ke PTS ini. Insentif ini boleh dilaksanakan berdasarkan kualiti yang dihasilkan ataupun kuantiti hasil. Dengan adanya sistem ini, lebih ramai lagi pekebun kecil akan menjual hasil mereka kepada PTS ini. Dengan kuantiti hasil yang besar, Pusat ini mampu mempunyai kuasa penawaran yang lebih besar dengan pihak kilang.

Kemudahan PTS dan Depo di sediakan kepada pekebun kecil yang menjualkan hasil getah/sawit secara berkelompok. Urusan jualan hasil dapat diselaraskan dengan baik melalui sistem tender atau sebutharga supaya mendapat harga yang terbaik. Setakat tahun 2008, RISDA telah melaksanakan 176 buah Depo dan 39

buah PTS di seluruh negara. Pada tahun 2009 ini, sebanyak 9 buah PTS dan 13 buah Depo lagi telah diluluskan untuk pelaksanaan. Daripada 39 buah PTS, 24 buah PTS adalah PTS Sawit dan jumlah kuantiti yang diurusniaga setakat Jun 2009 adalah 46,917 Metrik Tan dengan nilai RM 25.255 juta. Di negeri Perak , kita mempunyai 4 PTS sawit dengan jumlah urusniaga setakat Jun 2009 sebanyak 7,626 metrik tan dan bernilai RM2.97 juta.

13

6.0 . BENIH TISU KULTUR SAWIT

Pada tahun ini RISDA dengan kerjasama MPOB sedang dalam usaha menyediakan benih sawit yang berkualiti tinggi, mempunyai pertumbuhan yang seragam dan penghasilan minyak yang tinggi. Selaras dengan ini, RISDA sedang membina sebuah makmal tisu kultur di Bangi bagi menyedia benih sawit Tisu Kultur untuk dibekalkan kepada pekebun kecil. Benih Tisu Kultur sawit ini mempunyai ciri-ciri yang baik seperti :

- i. Nisbah minyak dengan tandan melebihi 28 % berbanding konvensional sebanyak 20%.
- ii. Keseragaman pertumbuhan dan produktiviti yang tinggi

14

- iii. Menghasilkan bilangan tandan yang banyak dan hasil boleh melebihi 30 MT sehektar setahun bagi tanah pendalaman
- iv. Peningkatan hasil yang berterusan untuk tempoh satu pusingan hayat ekonomi pokok sawit (22 tahun) adalah satu manfaat yang besar kepada pekebun kecil.

7.0 INSENTIF UNTUK PROJEK BERKUMPULAN

Semua pekebun kecil digalakkan menyertai Program Tanam Semula RISDA secara berkumpulan iaitu secara Tanam Semula Komersial (TSK) dan Tanam Semula Berkelompok

15

(TSB) bertujuan untuk memudah dan mempercepatkan pemindahan teknologi serta dapat menjamin pengeluaran berterusan dan kecekapan pemasaran. Beberapa insentif disediakan kepada pekebun kecil yang ingin menyertai program tanam semula secara berkumpulan. Antara insentif-insentif yang akan diberikan kepada peserta projek berkelompok ialah:

- i. Kemudahan asas seperti jalan pertanian, jambatan, parit dan pembentung akan disediakan secara subsidi kepada peserta projek.

16

- ii. Bantuan tanah kosong sehingga 30% kepada lot-lot yang tidak mengandungi getah tua dan kedudukannya dalam kawasan projek berkelompok yang telah dikenalpasti.
- iii. Latihan Pengurusan Ladang dan pembangunan minda insan kepada Jawatankuasa Projek dan beberapa orang peserta yang terpilih.
- iv. Urusan jualan produk akan diselaraskan secara sistem tender yang diuruskan melalui depo belian atau Pusat Timbang dan Setor.

17

- v. Bantuan tabung pelancaran akan diberikan kepada Jawatankuasa Projek. Nilai pemberian bergantung kepada luas kawasan projek yang dapat dibangunkan.
- vi. Bantuan bayaran premium tanah bagi tujuan mendapatkan hakmilik tanah untuk membolehkan pekebun kecil menyertai program tanam semula.
- vii. Bantuan input pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil di bawah program peningkatan produktiviti .

18

Dengan ini, adalah diharapkan semua pekebun kecil menyertai Program Tanam semula RISDA secara berkumpulan untuk menikmati faedah-faedah ini.

Walau bagaimanapun, **pekebun kecil individu** juga tidak diabaikan. Pakej Bantuan Tambahan dalam bentuk Prasarana di dalam ladang bernilai maksimum RM1,500 sehektar di beri kepada pekebun kecil individu pemilik pengusaha yang memiliki tanah kurang daripada 2.5 hektar.

8.0 PENUTUP

Kita sebagai rakyat yang dilahirkan di bumi Malaysia yang aman dan berpotensi ini seharusnya bersyukur atas segala nikmat yang sedang kita kecapi ketika ini. Adalah menjadi harapan RISDA supaya pekebun kecil terus merebut peluang-peluang yang disalurkan oleh Kerajaan dan memberi komitmen untuk menjayakan apa-apa aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan. RISDA hanya boleh merancang dan membantu tetapi pekebun kecil sendiri mestilah menetapkan matlamat hidup mereka dan berusaha untuk mencapainya manakala yang lain diserah kepada ALLAH S.W.T.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tn Hj. Ghazali bin Abd. Majid, Pengarah RISDA Negeri Perak serta Jawatan kuasanya yang telah berusaha untuk menjayakan Majlis ini pada hari ini. Juga setinggi penghargaan kepada Tn Hj. Mohd. Junit bin Zakaria, Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Batang Padang Selatan yang mengendalikan PTS ini. Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil Negeri Perak untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan-puan akan terus maju dan meningkatkan produktiviti.

21

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz **bismillahirrahmanirrahim** saya bagi pihak Yang Berbahagia Pengerusi RISDA, merasmikan Pusat Timbang dan Stor Kg. Tambak, Slim River.

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

22